

21 AUG 1998

Komanwel-Khalid

ATLIT MALAYSIA SERTAI KEM JAYA

SEREMBAN, 21 Ogos (Bernama) -- Persiapan atlet negara ke Kuala Lumpur '98 Sukan Komanwel ke-16 akan memasuki pusingan terakhir minggu depan, apabila kesemua mereka akan menyertai Kem Jaya bagi memperkukuhkan mental dan semangat juang masing-masing, kata Chief-de-Mission kontinjen negara ke sukan itu, Datuk Khalid Yunus hari ini.

Katanya, mereka akan diberikan ceramah motivasi sepanjang Kem Jaya itu yang akan diadakan selama enam hari mulai 26 Ogos di Universiti Tenaga Nasional, Bangi.

Semangat mereka akan digilap sebagai satu ikatan pasukan dan kekeluargaan yang jitu dengan matlamat berjuang serta bertekad untuk menjulang nama negara, katanya kepada pemberita selepas melancarkan Projek Khas Sekolah-sekolah Sukom, peringkat Negeri Sembilan, di sini.

Katanya, selepas menyertai Kem Jaya itu, mereka akan beredar ke Perkampungan Sukan di Bukit Jalil dan meneruskan latihan seperti biasa sehingga hari pertandingan.

Beliau berkata semua peserta termasuk atlet olahraga sehingga kini menunjukkan komitmen dan semangat tinggi, dengan dedikasi yang semakin terserlah khususnya selepas kata-kata nasihat dan perangsang oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini.

"Ini satu petanda baik ke arah kecemerlangan dan kejayaan pasukan negara pada sukan itu nanti," katanya.

Mengenai ujian dadah semasa Sukan Komanwel, beliau berharap ia tidak akan tecemar dengan sebarang penggunaan bahan terlarang yang telah ditetapkan dalam peraturan sukan antarabangsa.

Khalid memberitahu ujian dadah akan dijalankan dari semasa ke semasa dan tidak ada tolak ansur terhadap atlet yang didapati menggunakan bahan atau dadah terlarang.

Beliau juga berkata Sukom menyediakan potongan harga tiket 50 peratus bagi murid-murid sekiranya ia dibeli secara pukal sama ada oleh pihak sekolah atau murid-murid sendiri.

Pengarah Pemasaran Sukom '98, Rosli Selamat yang turut hadir kemudian menerangkan bahawa permohonan pembelian secara pukal dengan potongan harga 50 peratus banyak diterima daripada sekolah sekitar Lembah Klang dan Pulau Pinang, terutama bagi acara akuatik, gimnastik dan badminton.

Penjualan tiket acara tinju pula, masih perlahan walaupun gelanggangnya -- Stadium Tertutup Shah Alam -- boleh memuatkan kira-kira 14,00 penonton, kata beliau.

Sebelum itu, Khalid berkata Projek Khas Sekolah-sekolah Sukom yang dilancarkan di peringkat kebangsaan 9 Jun lepas, bertujuan memberi peluang kepada pelajar Lembah Klang dan Negeri Sembilan menyaksikan sukan itu.

Melalui projek itu, kata beliau, sejumlah 52,360 pelajar akan menyaksikan sukan itu dengan tiket, pengangkutan dan makan-minum percuma melalui penajaan syarikat bernilai kira-kira RM3 juta.

-- BERNAMA

AZ ZB